



كمنترين كواشن دان ايكونومي

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# KE ARAH EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

ECONOMIC BLUEPRINT BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



**Diterbitkan Oleh:**  
**Kementerian Kewangan dan Ekonomi**  
**Negara Brunei Darussalam**

**© Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam 2021**

**ISBN 978-99917-72-49-3**

***Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau dengan cara apa jua sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi terlebih dahulu.***

***Ilustrasi dan gambar ihsan daripada Jabatan Penerangan, agensi lain dan orang persendirian.  
Direka oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.***



# TITAH

“Alhamdulillah, beta bersyukur kerana dengan limpah dan rahmat Allah Subhanahuwataala, pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam telah menyaksikan kemajuan yang ketara selama bertahun-tahun. Beberapa usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi kita telah dilaksanakan melalui peningkatan pembangunan perniagaan tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan serta menarik pelaburan langsung asing. Beberapa tahun kebelakangan ini telah menyaksikan pertumbuhan positif dalam kedua-dua Keluaran Dalam Negeri Kasar dan Eksport negara kita, dengan perkembangan yang menggalakkan terutamanya dalam sektor pemakanan, hiliran minyak dan gas serta pembuatan. Namun begitu, dengan tempoh sasaran untuk Wawasan Brunei 2035 semakin hampir, kita perlu mempercepatkan lagi kemajuan kita dalam pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan latar belakang ini, beta telah memperkenankan penggubalan *Brunei Darussalam Economic Blueprint* yang akan membantu kita ke arah merealisasikan Matlamat Ketiga Wawasan Brunei 2035 – Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya tahan.

Menjadikan wawasan ini satu realiti bermakna semua pihak mesti bekerjasama dalam pendekatan senegara, yang melibatkan semua keberdayaan kita.

Dalam mencapai matlamat pembangunan kita secara aktif, kita mesti terus mendukung nilai Melayu Islam Beraja (MIB), menjaga kestabilan politik dan kedaulatan kita serta memenuhi komitmen kita dalam memelihara alam sekitar.

Beta berharap agar *Economic Blueprint* ini akan menjadi pendorong kepada ekonomi yang semakin berkembang, disokong oleh tadbir urus yang kukuh, perniagaan yang berdaya tahan dan berkembang maju yang dapat memanfaatkan peluang ekonomi yang dicipta oleh revolusi industri 4.0 yang membolehkan peningkatan inovasi, produktiviti dan daya saing seiring dengan kemunculan industri baharu.

Insya-Allah, melalui perpaduan dan usaha kolektif, kemakmuran yang kita capai selama ini akan berterusan dan dapat dinikmati bersama oleh generasi akan datang.

Wabillahi Taufiq Wal-Hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.”

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL  
BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI  
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



# Menuju Ke Arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan

## Prakata

### Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II



**A**lhamdulillah, dengan rahmat Allah Subhanahuwataala, dengan sukacitanya bahawa saya memperkenalkan 'Rangka Tindakan Ekonomi bagi Negara Brunei Darussalam — Ke Arah Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.

Menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 2020 sempena Tahun Baru 2020, dan ke arah mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah memulakan pembentukan *Economic Blueprint* ini yang merupakan hasil perbincangan mendalam dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Rangka tindakan ini akan menyokong perjalanan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, melalui penyediaan enam (6) aspirasi yang jelas dengan lebih daripada 30 hala tuju dasar.

Kepelbagaian ekonomi dan sektor swasta yang kukuh adalah penting bagi ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan, manakala rakyat yang berkemahiran, adaptif dan inovatif serta infrastruktur yang berkualiti tinggi akan membolehkan kita bersaing di peringkat serantau dan global. Kesalinghubungan serantau dan global yang kukuh akan membolehkan perniagaan kita berkembang serta menarik pelaburan berkualiti ke negara ini. Selain itu, tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan sektor awam yang cemerlang akan menyokong lagi usaha Negara Brunei Darussalam untuk mengembangmajukan ekonominya. Akhir sekali, untuk pertumbuhan yang lestari, alam sekitar semula jadi negara perlu dilindungi melalui penggalakan inisiatif mesra alam.

Untuk ini, kami telah mengenal pasti lima (5) sektor keutamaan dalam kalangan sektor memuncol bagi menerajui pembangunan sektor bukan minyak dan gas Negara Brunei Darussalam, seterusnya menyumbang kepada usaha kepelbagaian ekonomi negara. Kita akan melengkapkan tenaga kerja negara dengan kemahiran yang berkaitan dan memastikan mereka "bersedia untuk masa hadapan". Kami akan meningkatkan integrasi Negara Brunei Darussalam dalam kedua-dua pasaran serantau dan global serta meningkatkan komitmen ke arah memelihara alam sekitar sambil mengejar pembangunan ekonomi.

Kami akan terus menyediakan infrastruktur yang berkualiti dan boleh diakses, yang sangat penting dalam menyokong aktiviti ekonomi dan memastikan kesejahteraan rakyat. Kerajaan akan menambah baik tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam dalam menyokong pembangunan sektor swasta. Melalui inisiatif ini, diharapkan agar sektor bukan minyak dan gas akan berkembang dan meningkatkan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan sektor swasta akan menjadi pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli kumpulan kerja dan mereka yang telah memberikan pelbagai bentuk sumbangan dalam pembentukan *Economic Blueprint* ini. Kerajaan mengambil maklum bahawa untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan memerlukan usaha bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dan oleh itu, dokumen ini merangkumi pendekatan senegara untuk mengubah ekonomi Negara Brunei Darussalam.

# Ringkasan Eksekutif

Pada masa ini, Negara Brunei Darussalam sedang menghadapi cabaran dari segi landskap ekonomi disebabkan oleh keberuntungan kepada minyak dan gas, yang dapat digambarkan dalam pertumbuhan ekonomi yang rendah dan pengangguran yang tinggi.

Justeru, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) memperkenalkan *Economic Blueprint* bagi Negara Brunei Darussalam. Objektif blueprint ini adalah untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak berkepentingan untuk membangun ekonomi negara melalui aspirasi dan hala tuju dasar yang jelas bagi melengkapi usaha untuk mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035.

Terdapat enam (6) aspirasi dalam *Economic Blueprint* dan objektifnya ialah;

## **Aspirasi 1 - Perniagaan yang Produktif dan Pesat**

Dalam aspirasi ini, para peniaga diharapkan untuk mampu bersaing, berkembang dan berdaya tahan dengan meneroka pasaran dan peluang baharu yang memanfaatkan teknologi dan inovasi. Selain daripada itu, produktiviti dan daya saing perniagaan juga perlu ditingkatkan serta mampu untuk menembusi pasaran antarabangsa. Ini boleh dilakukan, melalui pengukuhan lima (5) sektor keutamaan sebagai penggerak untuk pertumbuhan ekonomi negara; meneroka aktiviti bagi menjana ekonomi masa depan yang baharu; mempromosikan syarikat tempatan ke peringkat antarabangsa; dan pengadaptasian teknologi.

## **Aspirasi 2 - Rakyat yang Berkemahiran, Adaptif dan Inovatif**

Untuk aspirasi ini, rakyat mestilah boleh pasar (marketable) mengikut keperluan ekonomi semasa, dan siap siaga masa hadapan. Ini boleh dicapai melalui perancangan tenaga kerja yang diselaraskan dengan baik, penggalakan pembelajaran, latihan dan pemahiran semula secara berterusan, serta pemupukan mentaliti 'Bekarih, Bejarih, Belurih' dan sifat terbuka kepada perubahan.

## **Aspirasi 3 - Ekonomi yang Terbuka dan Terhubung Secara Global**

Dalam aspirasi ini, perniagaan di negara ini diharapkan dapat menembusi pasaran luar dan menarik perniagaan asing. Di samping itu, eksport negara juga perlu dipelbagaikan dengan meningkatkan pengeluaran daripada sektor-sektor keutamaan. Peranan bagi memudah cara perdagangan adalah penting dalam menyediakan akses pasaran dan peluang untuk syarikat tempatan.

## **Aspirasi 4 – Kelestarian Alam Sekitar**

Dalam mengejar kemajuan ekonomi, pemuliharaan alam sekitar akan sentiasa diberi perhatian. Dengan menerokai pembangunan yang mampan, iaitu ekonomi hijau dan biru, status negara sebagai Permata Hijau di Nadi Borneo dapat dikekalkan dan seterusnya kita dapat mengurangkan jejak karbon negara.



### **Aspirasi 5 - Infrastruktur Ekonomi Berkualiti Tinggi dan Berdaya Saing**

Infrastruktur ekonomi hendaklah mempunyai kapasiti untuk menyokong dan mengembangkan perniagaan negara bagi mencapai semua aspirasi ini, Ini termasuk rangkaian pengangkutan dan digital yang terhubung dengan baik, bekalan elektrik dan air yang kukuh dan tanpa gangguan, serta tapak perindustrian yang tersedia infrastruktur.

### **Aspirasi 6 – Tadbir Urus yang Baik dan Kecemerlangan Perkhidmatan Awam**

Akhir sekali, dalam memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif, tadbir urus dan perkhidmatan awam hendaklah telus, bertanggungjawab dan mematuhi kedaulatan undang-undang. Tadbir urus negara yang telus/padu, moden dan cekap juga akan mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

**Dengan kehendak Allah Subhanahuwataala**, melalui pendekatan senegara dan usaha kolektif daripada semua pihak berkepentingan, kita akan dapat mencapai semua aspirasi ini sambil menjaga kestabilan politik dan kedaulatan sebagai sebuah negara. Melangkah ke hadapan, *blueprint* ini akan bertindak sebagai prinsip dan dasar panduan bagi penggubalan peta jalan industri.

Integrasi teknologi akan menjadi kritikal dalam mempercepatkan pembangunan Negara. Khususnya, dengan memasuki era revolusi industri 4.0 (4IR), negara akan dapat mencipta laluan baharu bagi pertumbuhan ekonomi, inovasi, pembangunan dan kesejahteraan manusia.

Menjelang tahun 2035, Negara Brunei Darussalam diharap akan beralih daripada sebuah ekonomi yang sangat bergantung pada minyak dan gas kepada sebuah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan yang menyediakan peluang pekerjaan yang lebih bermakna dan bernilai tinggi untuk rakyat.



# Kandungan

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	<b>iii</b>
Prakata	<b>vi</b>
Ringkasan Eksekutif	<b>vii</b>
<i>Economic Blueprint</i> bagi Wawasan Brunei 2035	<b>1</b>
Rangka Kerja Ekonomi Negara Brunei Darussalam	<b>3</b>
Pihak Berkepentingan dan Revolusi Industri 4.0 sebagai pemboleh	<b>4</b>
Gambaran Enam Aspirasi	<b>6</b>
Aspirasi 1 : Perniagaan yang Produktif dan Pesat	<b>7</b>
Aspirasi 2 : Rakyat yang Berkemahiran, Adaptif dan Inovatif	<b>9</b>
Aspirasi 3 : Ekonomi yang Terbuka dan Terhubung secara Global	<b>11</b>
Aspirasi 4 : Kelestarian Alam Sekitar	<b>13</b>
Aspirasi 5 : Infrastruktur Ekonomi yang Berkualiti Tinggi dan Berdaya Saing	<b>15</b>
Aspirasi 6 : Tadbir Urus yang Baik dan Kecemerlangan Perkhidmatan Awam	<b>17</b>
Kesimpulan	<b>19</b>
Lampiran	<b>20</b>

# Economic Blueprint bagi Wawasan Brunei 2035

**W**awasan Brunei 2035 dirumuskan pada tahun 2007, yang bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam diiktiraf sebagai sebuah negara yang mempunyai pencapaian yang berikut:



**RAKYAT YANG  
BERPENDIDIKAN,  
BERKEMAHIRAN TINGGI  
DAN BERJAYA**



**TAHAP HIDUP  
YANG TINGGI**



**EKONOMI YANG DINAMIK  
DAN BERDAYA TAHAN**

*Economic Blueprint* yang bertajuk '**Ke arah Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan — *Economic Blueprint* bagi Negara Brunei Darussalam**' akan bertindak sebagai **panduan kepada agensi pelaksana dan pihak berkepentingan** dalam mendukung Negara Brunei Darussalam mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035, yang sekali gus secara tidak langsung menyokong Matlamat 1 dan Matlamat 2.

Untuk mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035, kami berusaha untuk mencapai empat (4) hasil ekonomi kebangsaan.



**PERTUMBUHAN  
EKONOMI YANG TINGGI  
DAN BERDAYA TAHAN**

Ini boleh dicapai melalui pelaburan yang berkualiti dan peningkatan produktiviti.



**KEPELBAGAIAN  
EKONOMI**

Ini melibatkan peningkatan sumbangan daripada sektor bukan minyak dan gas kepada ekonomi.



**KESTABILAN  
MAKROEKONOMI**

Ini memastikan ekonomi negara yang berdaya tahan terhadap sebarang kejutan.



**TAHAP  
PENGANGGURAN  
YANG RENDAH**

Ini termasuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan yang berkualiti dan menyediakan kebolehpasaran tenaga kerja.

Kepentingan *Economic Blueprint* ini sangat jelas memandangkan negara kita masih belum mencapai empat (4) hasil ekonomi negara kerana negara kita masih mengalami pertumbuhan ekonomi yang rendah berbanding ekonomi negara jiran dalam beberapa tahun kebelakangan ini; tahap pengangguran yang tinggi; dan sumbangan eksport bukan minyak dan gas yang rendah. Dalam menyediakan *Economic Blueprint* ini, inisiatif-inisiatif semasa dan pelan strategik yang sedia ada juga diambil kira untuk menentukan hala tuju ekonomi yang terbaik.

## Wawasan Brunei 2035

*Wawasan Brunei 2035 diperkenalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2007, yang bertujuan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang memiliki rakyat yang berpendidikan dan menikmati kualiti hidup yang tinggi dengan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.*

2007

## Economic Blueprint

*Penggubalan Blueprint ini adalah sebagai panduan untuk agensi pelaksana atau pihak berkepentingan dalam mendukung Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035*

2020


## Masa Hadapan Ekonomi Kita

*Negara Brunei Darussalam akan mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.*

2035


# Rangka Kerja Ekonomi Brunei Darussalam

Bagi mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035 sebagai wawasan utama ekonomi Negara Brunei Darussalam, *Economic Blueprint* ini melengkapkan usaha dengan menggariskan **enam (6) aspirasi**, masing-masing dengan keutamaan strategik dan hala tuju dasar tersendiri. *Economic Blueprint* ini akan dijadikan sebagai panduan untuk pembentukan Peta Jalan Industri dan Pelan Induk Sektor Utama. Rangka kerja ini akan memastikan program dan projek yang lebih koheren serta usaha yang lebih bersepadu antara sektor swasta dan kerajaan.



# Pihak Berkepentingan dan Revolusi Industri 4.0 Sebagai Penggerak


Untuk memastikan kejayaan *Economic Blueprint*, pendekatan yang kolaboratif dan senegara diperlukan dalam kalangan pihak kerajaan, pelabur, sektor swasta dan rakyat berdasarkan peranan masing-masing.



Bergerak ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, mengguna pakai teknologi terkini selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara pintar akan memberikan peluang yang luas kepada Negara Brunei Darussalam dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Ini akan membantu untuk memudahkan dan mengembangkan operasi perniagaan yang seterusnya akan mewujudkan lebih banyak peluang dan pengeluaran.

Bagi mencapai matlamat ini, pengukuhan asas yang diperlukan, seperti kesalinghubungan, dasar digital dan keselamatan siber adalah penting. Dengan adanya asas ini, lebih banyak faedah daripada Revolusi Industri 4.0 (4IR) akan direalisasikan sama ada melalui pengoptimuman proses atau pewujudan model perniagaan baharu yang memanfaatkan teknologi, seperti dron, Kepintaran Tiruan (AI), Internet Benda (IoT), Realiti Maya (Virtual Reality), Blok Rantai (Blockchain) dan lain-lain.

Selain itu, ketersediaan bakat yang diperlukan dan tenaga kerja mahir untuk memanfaatkan 4IR juga penting. Negara Brunei Darussalam akan terus mengadaptasi sifat kerja yang sentiasa berkembang dengan menyediakan mekanisme untuk pembelajaran sepanjang hayat, peningkatan kemahiran dan pemahiran semula masyarakat.





# Gambaran Enam Aspirasi

**E**nam aspirasi ini bersama-sama membentuk ekosistem kepada ekonomi yang akan memastikan pembangunan yang mampan.



## Perniagaan yang Produktif & Pesat

Perniagaan yang boleh bersaing, berkembang dan berdaya tahan dengan meneroka pasaran dan peluang baharu



## Rakyat yang Berkemahiran, Adaptif & Inovatif

Rakyat yang boleh pasar (*marketable*) mengikut keperluan ekonomi semasa dan mempunyai keupayaan untuk mencipta produk dan perkhidmatan baharu



## Ekonomi yang Terbuka & Terhubung Secara Global

Ekonomi yang boleh menembusi pasaran luar dan dapat menarik perniagaan asing



## Kelestarian Alam Sekitar

Persekitaran yang terpelihara dengan baik melalui usaha pembangunan yang mampan



## Infrastruktur Ekonomi Berkualiti Tinggi & Berdaya Saing

Infrastruktur yang mempunyai keupayaan untuk menyokong dan mengembangkan perniagaan



## Tadbir Urus yang Baik & Kecemerlangan Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan awam yang efisien dalam memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif.

# Aspirasi 1 : Perniagaan yang Produktif dan Pesat


**E**konomi Negara Brunei Darussalam telah menyaksikan zaman pembangunan yang makmur, yang dipacu terutamanya oleh aktiviti minyak dan gas. Ini membuahkan lebih banyak perniagaan sampingan termasuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Selain itu, lebih banyak pekerjaan yang bermakna dan bernilai tinggi telah diwujudkan.

Ke arah pembangunan ekonomi yang mampan, negara berhasrat untuk membangunkan sektor bukan minyak dan gas dengan meneroka aktiviti ekonomi baharu serta mengukuhkan lima (5) sektor keutamaan: Hiliran Minyak dan Gas, Pemakanan, Pelancongan, Teknologi dan Info-komunikasi dan Perkhidmatan.

Dalam kita memasuki fasa pembangunan yang baharu, pelbagai cabaran bakal dihadapi. Oleh itu, meningkatkan keupayaan dan kedayatahan dalam kalangan perniagaan adalah penting.

Justeru, perniagaan, terutamanya pemilik perniagaan tempatan mesti mempunyai azam dan dorongan untuk berkembang maju melalui peningkatan kerjasama dan penerokaan pasaran serta peluang baharu.


## STATUS SEMASA



Dari Tahun 2015 hingga tahun 2019, jumlah PMKS meningkat kira-kira sebanyak,

**3.4%**

## Stok FDI




Saham FDI mengalami peningkatan ketara sejak 10 tahun lepas.

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Dalam aspirasi ini, usaha untuk meningkatkan sumbangan bagi sektor bukan minyak dan gas perlu ditingkatkan melalui keutamaan strategik yang berikut

- Mengukuhkan lima (5) **Sektor-Sektor Utama sebagai penggerak pertumbuhan** untuk menerajui pembangunan dan kepelbagaian ekonomi.
- Menerokai aktiviti pertumbuhan masa depan baharu** secara berterusan untuk memajukan lagi ekonomi negara.
- Melebarkan asas eksport**, khususnya dalam sektor bukan minyak dan gas untuk mempelbagaikan ekonomi.
- Menggalakkan **pengantarabangsaaan syarikat** dengan memudahkan dan membantu perniagaan tempatan untuk mengeksport produk dan mengembangkan operasi mereka ke luar negara.
- Mewujudkan aktiviti nilai tambah yang tinggi dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi baharu.
- Mewujudkan **perniagaan berasaskan inovasi dan teknologi** untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing.
- Menggalakkan perniagaan untuk **mewujudkan pekerjaan yang bermakna terutamanya untuk penduduk tempatan** ke arah tenaga kerja yang lebih produktif dan berdaya saing.

## KDNK Sektor Bukan Minyak dan Gas




Sejak tahun 2010, sector swasta bukan minyak dan gas berkembang secara purata sebanyak

**2.6%**

Walau bagaimanapun, sumbangan keseluruhan kepada KDNK adalah **kurang daripada 30%**

# Aspirasi 1 : Hala Tuju Dasar



# Aspirasi 2 : Rakyat yang Berkemahiran, Adaptif & Inovatif

Rakyat merupakan modal negara yang paling berharga dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Negara Brunei Darussalam telah lama menekankan penyediaan pendidikan yang berkualiti untuk rakyat melalui pelbagai inisiatif dan dasar.

Walau bagaimanapun, globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat telah mengubah cara berinteraksi antara individu dan perniagaan. Oleh itu, sangat penting untuk memastikan bahawa rakyat kita kekal relevan, inovatif dan mempunyai kemahiran yang bersesuaian untuk memenuhi permintaan industri pada masa hadapan serta adaptif terhadap sebarang gangguan trend global.


Rakyat yang berkemahiran, adaptif dan inovatif serta mempunyai mentaliti yang betul juga akan melahirkan bakat keusahawanan yang dapat merebut lebih banyak peluang. Ini juga akan membantu membina kedayatahan modal insan untuk memacu pertumbuhan di tengah-tengah perubahan landskap ekonomi global yang tidak dapat diramalkan.

## STATUS SEMASA

Jumlah bilangan pekerja tempatan pada tahun 2019

**147,442**

## Perbezaan antara Sektor Awam dengan Swasta



**73,023 (49.5%)**

Bilangan penduduk tempatan yang bekerja di sektor awam pada tahun 2019

## Mengikut Profesion



**67,594 (45.8%)**

Bilangan penduduk tempatan yang bekerja sebagai juruteknik dan profesional bersekutu, profesional, pengurus dan pegawai kanan pada tahun 2019

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Dalam aspirasi ini, kesiapsiagaan tenaga kerja untuk masa hadapan dapat dipastikan melalui keutamaan strategik seperti yang berikut:

- Mempromosikan dan menggalakkan rakyat untuk **bersiap siaga dan lebih produktif** dengan memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri.
- Menggalakkan **pembelajaran, latihan dan pemahiran semula** secara berterusan untuk memastikan tenaga kerja yang kekal relevan dan adaptif dengan perubahan keperluan industri.
- Menyemai sifat **kreatif, keusahawanan dan inovatif** kepada seluruh masyarakat untuk memastikan para peniaga dan rakyat dapat menghasilkan teknologi, idea dan produk yang baharu.
- Memupuk **mentaliti "Bekarih, Bejarah, Belurih"** seluruh masyarakat untuk menggalakkan sikap berdikari dan proaktif, dan produktiviti.
- Memberikan sokongan penuh pada inisiatif negara dengan bersifat **terbuka dan adaptif terhadap trend global**.

## Kadar Pengangguran




1991 1995 2001 2011 2014 2017 2018 2019

Kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2019 direkodkan sebanyak

**6.8%**

# Aspirasi 2 : Hala Tuju Dasar



# Aspirasi 3 : Ekonomi yang Terbuka dan Terhubung Secara Global

Negara Brunei Darussalam mempamerkan komitmen yang kukuh terhadap pembangunan negara dan antarabangsa melalui sokongan berterusan terhadap dasar perdagangan terbuka dan penglibatan serta penyertaan secara aktif dalam arena serantau dan antarabangsa. Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli penting kepada pelbagai perjanjian perdagangan, dan telah mewujudkan hubungan dan kerjasama antarabangsa yang kukuh melalui keahlian dalam pelbagai organisasi antarabangsa.

Oleh itu, hubungan dan kerjasama ini telah membuka banyak peluang kepada negara untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global yang berfungsi ke arah meluaskan akses pasaran.

Pada dasarnya, ini membolehkan peningkatan penyertaan perniagaan tempatan di pasaran luar negara serta menarik pelaburan baharu yang berpotensi ke negara ini.

Perubahan ekonomi global yang pesat dan saling terhubung berbanding sebelumnya telah dapat membuka pasaran dan peluang baharu. Pada terasnya, kesalinghubungan global merupakan peningkatan aliran ilmu pengetahuan dan kemajuan teknologi, yang dapat dilihat melalui pembangunan yang lebih pantas, serta peningkatan produktiviti dan inovasi.

Untuk mengikuti perubahan dan mengatasi kerumitan serta memaksimumkan keuntungan, jalinan hubungan antarabangsa yang lebih kukuh hendaklah diteruskan, dan perdagangan bebas hendaklah digalakkan dalam memastikan masa hadapan yang lebih baik bagi Negara Brunei Darussalam.

## STATUS TERKINI



Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2020 menduduki tempat Brunei Darussalam ke

**149**

daripada 190 ekonomi dalam "Berdagang Merentasi Sempadan"



Sehingga 2019, Saham FDI di Negara Brunei Darussalam berjumlah

**BND 9.6 Bilion**

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Aspirasi ini, berkaitan dengan usaha murni ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam diiktiraf sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang terbuka dan terhubung secara global melalui keutamaan strategik seperti yang berikut:

- i. **Peningkatan peluang akses pasaran** dengan meningkatkan kemudahan perdagangan untuk membantu perniagaan tempatan dalam mengeksport ke pasaran luar negara.
- ii. Mewujudkan dan menggalakkan **pelbagai kerjasama ekonomi dengan rakan strategik** bagi mengukuhkan kerjasama perdagangan dan mengurangkan halangan perdagangan.
- iii. **Menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi mesra pelaburan dan perdagangan** untuk mewujudkan peluang perdagangan baharu dan menarik FDI.

## Eksport Barangan dan Perkhidmatan




2010 2011 2012 2013 2014 2015 2016 2017 2018 2019

Eksport Barangan dan Perkhidmatan menyumbang kira-kira

**60.5%**

Daripada jumlah KDNK pada tempoh 10 tahun yang lalu.

# Aspirasi 3 : Hala Tuju Dasar



## Aspirasi 4 : Kelestarian Alam Sekitar

**K**ekayaan, kepelbagaian dan keunikan persekitaran semula jadi Negara Brunei Darussalam merupakan komoditi berharga dan tidak dapat ditukar ganti serta penting untuk memastikan kualiti kehidupan yang tinggi bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam hendaklah terus komited untuk mencapai keseimbangan yang baik bagi tujuan pembangunan atau pertumbuhan ekonomi, sambil menitikberatkan pemuliharaan alam sekitar.

Dengan menyokong amalan mesra dan pelestarian alam sekitar dalam perniagaan sambil melabur dalam teknologi hijau akan memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dicapai tanpa menjejaskan persekitaran termasuk ekosistem marin.

Melalui Ekonomi Biru, lautan menawarkan banyak cara untuk diterokai dan membuka peluang bagi pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perikanan, perlombongan minyak dan gas kepada pengangkutan maritim dan pelancongan. Ini juga akan mengukuhkan negara kita sebagai destinasi pelancongan yang mesra alam sekitar.

### STATUS SEMASA



**72%**

Sebanyak 72% Kawasan tanah di Negara Brunei Darussalam dilitupi oleh hutan hujan asli

### Kawasan Perlindungan Marin



Kawasan Perlindungan Marin Negara Brunei Darussalam meliputi sehingga

**20%**

Daripada jumlah Kawasan marin setiap tahun

### KEUTAMAAN STRATEGIK

Aspirasi ini adalah untuk memulihara alam sekitar dan pada masa yang sama mengekalkan kedudukan semasa melalui keutamaan strategik seperti yang berikut:

- i) Menggalakkan **pemuliharaan alam sekitar** dengan memastikan asset dan sumber semula jadi adalah terpelihara dengan baik.
- ii) Menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui **inisiatif pertumbuhan hijau dan Ekonomi Biru** yang berdaya tahan.
- iii) **Melaburkan dan mempromosikan perniagaan dan teknologi yang berdaya tahan** bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti tetapi juga untuk memulihara alam sekitar.

### Pemuliharaan Tanah



**58%**

Daripada kawasan tanah Negara Brunei Darussalam dipulihara di bawah inisiatif Nadi Borneo.

### Indeks Prestasi Persekitaran



Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan

ke-**46**

dalam indeks Prestasi Persekitaran bagi tahun 2020.



# Aspirasi 4 : Hala Tuju Dasar



# Aspirasi 5 : Infrastruktur Ekonomi Berkualiti Tinggi dan Berdaya Saing

Sejak beberapa tahun ini, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan yang signifikan ke arah menyediakan infrastruktur ekonomi yang berkualiti tinggi dan berdaya saing.

Memandangkan persekitaran dan pertumbuhan global yang berubah secara pesat, memang penting untuk membina infrastruktur yang berkualiti, moden dan mudah diakses untuk kekal berdaya saing dan mengekalkan taraf hidup yang tinggi.

Dengan infrastruktur ekonomi yang berkualiti tinggi dan berdaya saing, diharapkan rakyat dan para peniaga akan berada dalam kedudukan yang baik untuk merebut peluang pada masa akan datang.

Tambahan pula, sektor kerajaan mahupun swasta telah terlibat secara aktif dalam penambahbaikan infrastruktur, seperti pelaburan dalam kemudahan pengurusan pelabuhan, Syarikat Pelabuhan Muara.

## STATUS SEMASA



Indeks Daya Saing Global 2019 meletakkan Negara Brunei Darussalam di tangga Ke-**32** daripada 141 negara ekonomi dalam "Kualiti Infrastruktur Jalan Raya".



Indeks Inovasi Global 2020 meletakkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-**59** daripada 131 negara ekonomi dalam "Infrastruktur Berkaitan Teknologi".

## Penembusan Jalur Lebar Tetap Dan Mudah Alih



Penembusan Jalur Lebar Tetap untuk isi rumah dan perniagaan:

**2019: 51.6%**  
**2012: 20.1%**



Penembusan Jalur Lebar Mudah Alih bagi setiap 100 penduduk:

**2019: 131.9**  
**2012: 94.7**

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Aspirasi ini bertujuan untuk meningkatkan infrastruktur negara melalui keutamaan strategik seperti yang berikut:-

- i) Memastikan **rangkaian pengangkutan darat, laut dan udara terhubung dengan baik**. Mempunyai rangkaian pengangkutan yang terhubung dengan baik, kukuh dan sesuai (jalan raya, laut dan udara) dapat memudahkan pergerakan orang ramai, barangan dan perkhidmatan secara efisien. Oleh itu, ini boleh menggalakkan pertumbuhan, meningkatkan produktiviti serta akses dan peluang pasaran. Ini juga termasuk menyediakan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang maju (lapangan terbang, pelabuhan dan pergudangan).
- ii) Memastikan **bekalan elektrik dan air yang kukuh** di kesemua kawasan terutamanya industri dengan bekalan tenaga elektrik dan air yang mencukupi dan tanpa gangguan dengan kadar perindustrian yang berdaya saing untuk memudahkan operasi perniagaan dan perindustrian.
- iii) Memastikan **tapak perindustrian tersedia dengan infrastruktur**, seperti bekalan air, tenaga elektrik, gas dan telekomunikasi yang diperlukan oleh pelaburan langsung asing (FDI) dan syarikat tempatan untuk menjadikan penubuhan perniagaan yang lebih sesuai dan menarik.
- iv) Menyediakan **infrastruktur digital yang tersedia**. Dalam era revolusi perindustrian keempat (4IR) ini, Negara Brunei Darussalam akan terus meningkatkan infrastruktur digital dari segi ketersediaan dan aksesibiliti. Infrastruktur digital yang lebih baik akan meningkatkan kualiti hidup, produktiviti, dan kesalinghubungan negara, serta kekal relevan dalam persekitaran ekonomi yang berubah secara pesat.
- v) Menggalakkan **pembangunan infrastruktur yang didorong oleh Kerjasama Awam-Swasta (PPP)** dengan menggalakkan pelaburan dalam infrastruktur sosial dan perindustrian. Ini akan meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam perbelanjaan modal dan meningkatkan keefisienan operasi.

# Aspirasi 5 : Hala Tuju Dasar



# Aspirasi 6 : Tadbir Urus yang Baik dan Kecemerlangan Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam telah menikmati kestabilan politik dan kesaksamaan serta keterangkuman sosial yang lahir daripada tadbir urus yang baik selama beberapa dekad.

Ke arah pembangunan ekonomi melalui pendekatan senegara, Negara Brunei Darussalam perlu mengekalkan piawaian tadbir urus yang tinggi di sektor awam dan swasta.

Kepercayaan dan keyakinan antara pihak-pihak berkepentingan diharap akan dapat dibina melalui ketelusan, akauntabiliti dan kepatuhan terhadap undang-undang.

Pada masa yang sama, tadbir urus kerajaan hendaklah berkemampuan untuk memudahkan penyertaan secara aktif dan berkesan dengan sektor awam dan swasta.

Walau bagaimanapun, kestabilan politik dan kedaulatan negara perlulah dijaga.

## STATUS SEMASA



Indeks Daya Saing Global 2019 meletakkan Negara Brunei Darussalam di kedudukan

ke- **77**

daripada 141 negara ekonomi dalam "Prestasi Sektor Awam".



Laporan Bank Dunia *Doing Business* 2020 meletakkan Negara Brunei Darussalam di kedudukan

ke- **66**

daripada 190 negara ekonomi dalam memudahkan perniagaan.

## Indeks Persepsi Rasuah dan Perkembangan E-Kerajaan



Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan

ke- **35**

daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah.



Negara Brunei Darussalam berada di kedudukan

ke- **60**

daripada 193 negara dalam Perkembangan E-Kerajaan.

## KEUTAMAAN STRATEGIK

Aspirasi ini bertujuan untuk meningkatkan kedudukan negara dalam tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam melalui keutamaan strategik seperti yang berikut:-

- i) Memastikan **tadbir urus yang telus dan bertanggungjawab**, iaitu pengaliran maklumat secara bebas dan bertanggungjawab dalam membuat keputusan dan penguatkuasaan, yang melibatkan institusi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil.
- ii) Memastikan **sistem perundangan yang kukuh dengan undang-undang dan peraturan moden**. Dasar, undang-undang dan peraturan perlu sentiasa dikemas kini dan dikuatkuasakan mengikut piawaian global dan relevan dengan keadaan Negara Brunei Darussalam untuk menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif.
- iii) **Hubungan yang seimbang antara kerajaan dan para peniaga** akan dapat menggalakkan pertumbuhan jangka panjang dan daya saing negara.
- iv) Menggalakkan **tadbir urus digital** ke arah aliran maklumat yang lancar dan proses perniagaan yang diperkemas bagi membantu pembangunan sektor swasta.
- v) **Memperkuhkan kedudukan kewangan kerajaan** bagi memastikan kemampuan fiskal.

Peranan tadbir urus digital akan menjadi penting dalam mendukung ketelusan dan pada masa yang sama, menggalakkan kecekapan dan produktiviti.

Akhir sekali, sebarang pembangunan ekonomi perlu menumpukan kepada penambahbaikan daya tahan dan pengukuhan kedudukan fiskal negara dalam jangka masa panjang.

# Aspirasi 6 : Hala Tuju Dasar



# Kesimpulan

**D**engan rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, semoga dokumen ini mencapai matlamatnya untuk melengkapkan dan menyokong matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035 dalam memajukan Negara Brunei Darussalam ke arah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Kami berharap dokumen ini dapat bertindak sebagai garis panduan yang jelas dan padat bagi pihak berkepentingan untuk merumuskan pelan dan peta jalan strategik mereka.

Dengan mematuhi prinsip dan aspirasi panduan, kami berharap akan dapat melihat usaha yang lebih bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dalam menyokong pendekatan senegara.

Kejayaan bermakna;

Ekonomi negara berubah daripada sangat bergantung kepada minyak dan gas kepada ekonomi yang pelbagai, berdaya tahan dan progresif, diterajui oleh lima (5) sektor-sektor utama dan aktiviti pertumbuhan masa depan baharu yang lain sebagai jentera pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi negara mempunyai tahap pengangguran yang rendah dan mampu menyediakan peluang pekerjaan yang lebih berkualiti dan bermakna untuk rakyat.

Rakyat negara ini merupakan masyarakat yang kreatif, berkemahiran dalam keusahawanan dan inovatif; reseptif dan adaptif terhadap trend global; dan disemai dengan mentaliti 'Bekarih, Bejarah, Belurih'.

Tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi, siap siaga masa hadapan dan sangat produktif terhadap keperluan industri; dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.

Perniagaan negara dapat memanfaatkan teknologi dan inovasi; yang meningkatkan produktiviti dan meningkatkan daya saing serta mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Eksport negara akan dipelbagaikan dengan peningkatan hasil pengeluaran daripada sektor utama seperti produk petrokimia baharu dan produk makanan premium.

Semua matlamat ekonomi ini akan disokong melalui infrastruktur yang berkualiti tinggi dan berdaya saing dengan persekitaran yang bersih, tadbir urus yang baik dan kecemerlangan perkhidmatan awam.

Di samping mencapai matlamat ini, kita akan mendukung nilai-nilai Melayu Islam Beraja, menjaga kestabilan politik dan kedaulatan negara di samping memenuhi komitmen kita dalam memelihara alam sekitar.

# LAMPIRAN

# ASPIRASI I

## PERNIAGAAN YANG PRODUKTIF & PESAT

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Menggalakkan pertumbuhan yang meluas dengan mengukuhkan sektor-sektor keutamaan termasuk meneroka aktiviti ekonomi baharu.
  - ◆ Lima (5) sektor keutamaan telah dikenal pasti berdasarkan kelebihan daya saing dan perbandingan untuk menerajui usaha pertumbuhan dan mempelbagaian ekonomi negara.
  - ◆ Bagi menghadapi perubahan dalam landskap ekonomi global, Negara Brunei Darussalam perlu sentiasa mencari dan merebut peluang pertumbuhan baharu bagi memastikan pembangunan ekonomi yang mampan.

---

2. Melahirkan usahawan, terutama dalam kalangan rakyat Brunei untuk memimpin dan menyokong ekosistem perniagaan.
  - ◆ Mempergiatkan usaha seperti memperkenalkan program yang direka sesuai untuk membantu PKS dan usahawan tempatan memperoleh kemahiran perniagaan dan menjadi lebih berdaya saing.
  - ◆ Menggalakkan perniagaan milik tempatan untuk bekerjasama dan merintis pembangunan perniagaan.

---

3. Meneruskan usaha menggalakkan FDI termasuk meneroka aktiviti ekonomi baharu bagi mendorong pertumbuhan ekonomi.
  - ◆ Menarik FDI berkualiti tinggi akan membantu pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan perdagangan/eksport.
  - ◆ Syarikat FDI akan menggalakkan pemindahan pengetahuan dan teknologi, dan membolehkan negara memanfaatkan rangkaian antarabangsa.

---

4. Memastikan PMKS tempatan mampu menyokong dan mendapat manfaat daripada aktiviti FDI dan GLC.
  - ◆ Meningkatkan pertumbuhan PMKS melalui aktiviti keluaran sampingan FDI dan GLC, dan penyertaan dalam rantai nilai akan memaksimumkan nilai tambah negara.

---

5. Beralih ke arah aktiviti dan produk nilai tambah yang lebih tinggi melalui inovasi dan pematuhan kepada piawaian antarabangsa.
  - ◆ Meningkatkan pertumbuhan PMKS melalui aktiviti keluaran sampingan FDI dan GLC, dan penyertaan dalam rantai nilai akan memaksimumkan nilai tambah negara.

---

6. Menggalakkan syarikat untuk menjadi lebih berorientasikan eksport.
  - ◆ Memandangkan pasaran domestik kita yang kecil, pasaran eksport akan menjadi penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi.
  - ◆ Syarikat tempatan perlu dipupuk agar mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang siap siaga eksport dan berdaya saing.

---

7. Menyediakan pekerjaan yang bermanfaat dan bernilai tinggi untuk anak tempatan bagi memenuhi keperluan industri.
  - ◆ Untuk menyediakan pekerjaan yang bermanfaat kepada rakyat dan seterusnya memberi peluang untuk meningkatkan kemahiran, pendapatan yang saksama dan jaminan pekerjaan.
  - ◆ Ini boleh menyumbang kepada tenaga kerja yang produktif sekali gus meningkatkan daya saing syarikat secara keseluruhan.

---

8. Meningkatkan kerjasama awam-swasta (PPP) bagi peruntukan sumber yang efisien dan pembangunan sektor swasta.
  - ◆ Penglibatan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi boleh membawa kepada peningkatan keefisienan dan produktiviti serta meningkatkan lagi pembangunan sektor tersebut.
  - ◆ Ini seterusnya akan memastikan peruntukan sumber yang optimum untuk Kerajaan, dan boleh menyumbang kepada usaha pengukuhan fiskal.

---

9. Mengamalkan tadbir urus yang baik dalam sektor swasta.
  - ◆ Tadbir urus korporat yang baik adalah penting bagi sesebuah syarikat atau organisasi untuk menjadi lebih efisien dalam mencapai objektifnya, untuk memacu peningkatan dan menjadi lebih berdaya saing.



# ASPIRASI II

## RAKYAT YANG BERKEMAHIRAN, ADAPTIF DAN INOVATIF

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Menyediakan sistem pendidikan bertaraf tinggi secara berterusan yang akan melahirkan pakar, profesional dan juruteknik bagi memenuhi permintaan industri.
  - ◆ Sistem pendidikan yang berkedudukan tinggi berpandukan piawaian antarabangsa, dengan kurikulum pendidikan yang terkini mengikut permintaan industri semasa / pada masa hadapan adalah diperlukan untuk memastikan tenaga kerja yang sangat produktif dan boleh diambil bekerja.

---

2. Program pendidikan dan latihan inklusif digital untuk semua peringkat masyarakat.
  - ◆ Mengukuhkan inisiatif semasa dan memperkenalkan inisiatif baharu yang mengintegrasikan sumber teknologi maklumat (ICT) dalam sistem pendidikan dan latihan bagi meningkatkan tahap celik ICT dalam kalangan masyarakat.
  - ◆ Memastikan ketersediaan digital dalam kalangan semua peringkat individu semasa negara sedang menuju ke arah ekonomi digital supaya tenaga kerja kita akan dapat meraih peluang dalam industri baharu.

---

3. Menggalakkan dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat yang mudah diperoleh untuk memenuhi keperluan kemahiran yang berubah-ubah bagi ekonomi negara.
  - ◆ Meningkatkan peluang dan kebolehcapaian bagi semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan kemahiran dan pemahiran semula mengikut keperluan ekonomi yang berubah-ubah.
  - ◆ Ini boleh dilakukan dengan menyediakan, mempromosikan dan menggalakkan pengambilan program pembelajaran sepanjang hayat.

---

4. Mengukuhkan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan inovasi bagi menyokong pembangunan perindustrian.
  - ◆ Menanamkan minda yang inovatif daripada pendidikan kanak-kanak kepada kehidupan bekerja dengan memupuk ekosistem yang kondusif dan mengukuhkan kerjasama antara institusi pendidikan dan pihak industri yang berkepentingan.

---

5. Mengukuhkan program yang akan memupuk semangat keusahawanan dan sikap berdikari.
  - ◆ Meningkatkan idea perniagaan baharu dan memupuk/menganjukkan minda melalui program kepimpinan dan keusahawanan untuk melahirkan lebih ramai rakyat yang berdikari dan bersikap proaktif, berdaya tahan dan terbuka kepada trend global dalam memenuhi keperluan semasa ekonomi.

---

6. Memupuk keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan yang sihat untuk memastikan tenaga kerja yang produktif.
  - ◆ Keseimbangan antara kehidupan profesional dan kehidupan peribadi/keluarga adalah penting untuk memastikan kesejahteraan tenaga kerja negara.
  - ◆ Mengurangkan tekanan, meningkatkan semangat dan mengurangkan persekitaran negatif melalui penggalakan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan, melalui gaya hidup sihat untuk meningkatkan produktiviti.

# ASPIRASI III

## EKONOMI YANG TERBUKA DAN TERHUBUNG SECARA GLOBAL

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Menggalakkan dan mengukuhkan hubungan ekonomi dengan rakan kongsi perdagangan, secara dua hala, serantau dan pelbagai hala untuk akses pasaran yang lebih meluas melalui:
  - ◆ Perjanjian-perjanjian perdagangan luar negeri (FTA) dan memorandum persefahaman (MOU) berkualiti tinggi, yang bertujuan untuk disesuaikan dengan keperluan Negara Brunei Darussalam.
  - ◆ Komitmen penyelarasan dan pelaksanaan yang berkesan bagi memanfaatkan faedah di bawah pelbagai FTA dan MOU antarabangsa.
  - ◆ Mempertingkatkan pemberitaan dan penglibatan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk meningkatkan kesedaran mengenai FTA dan MOU.

---
2. Menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai hab pelaburan dan perdagangan.
  - ◆ Negara Brunei Darussalam mempunyai persekitaran yang ideal untuk perniagaan dan pelaburan mengambil kira kelebihan-kelebihan seperti berikut:
    - i) Lokasi strategik yang berdekatan dengan pasaran memunculkan di rantau ASEAN.
    - ii) Kemudahan infrastruktur dan rangkaian darat, laut dan udara yang mantap.
    - iii) Tenaga kerja yang berpendidikan tinggi.
    - iv) Kestabilan sejarah politik dan sosial.
  - ◆ Kelebihan ini akan menjadi tarikan utama kepada pelabur-pelabur langsung asing (FDI).

---
3. Menggalakkan perniagaan untuk memaksimumkan peluang perdagangan antarabangsa.
  - ◆ Meningkatkan penyertaan perniagaan tempatan dalam rantaian nilai serantau dan global melalui FTA akan meluaskan jangkauan pasaran, agar tidak bergantung kepada pasaran domestik semata-mata.

---
4. Mengukuhkan kemudahan perdagangan untuk membantu syarikat sedia eksport melalui pihak berkuasa yang cekap.
  - ◆ Peningkatan kemudahan perdagangan akan memberikan para peniaga akses yang lebih baik kepada pasaran luar dan menyokong penyertaan yang lebih besar dalam rantaian nilai global (GVC).
  - ◆ Menyokong inisiatif negara (seperti inisiatif oleh pihak DARE) dalam membantu syarikat tempatan mengembangkan keupayaan, daya saing dan jangkauan di pasaran luar negara.

---
5. Mempromosikan produk dan perkhidmatan tempatan di arena antarabangsa.
  - ◆ Penubuhan platform perdagangan yang boleh menghubungkan barangan dan perkhidmatan tempatan ke pasaran antarabangsa.
  - ◆ Menyokong inisiatif sektor swasta untuk menghasilkan produk tempatan mengikut piawaian antarabangsa dari segi keselamatan dan kualiti.

---
5. Menarik pelaburan langsung asing dengan rangkaian pasaran yang mantap.
  - ◆ Syarikat FDI dengan rangkaian pasaran yang mantap akan meningkatkan prospek perdagangan antarabangsa dengan memanfaatkan jangkauan saluran permintaan dan bekalan yang lebih luas dan seterusnya untuk mendapatkan pulangan yang lebih baik dari segi prospek pelaburan yang akan memberi manfaat kepada negara.

# ASPIRASI IV

## KELESTARIAN ALAM SEKITAR

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Memupuk budaya yang menggalakkan pemeliharaan persekitaran dan ekosistem dalam aktiviti ekonomi.
  - ◆ Mengadaptasikan amalan hijau dalam aktiviti ekonomi adalah sangat penting dalam pemuliharaan alam sekitar dan ekosistem.
  - ◆ Menggalakkan para peniaga untuk menerapkan amalan hijau ke dalam strategi perniagaan mereka yang termasuk:
    - i) Pemupukan budaya yang menggalakkan pemuliharaan alam sekitar dan ekosistem dalam sistem organisasi; dan
    - ii) Mengutamakan kerjasama dengan vendor dan organisasi yang mengadaptasikan amalan perniagaan yang lestari.
2. Menggalakkan inisiatif pertumbuhan hijau dan Ekonomi Biru yang mampan.
  - ◆ Pembangunan ekonomi hendaklah berdasarkan teknologi bersih, tenaga boleh diperbaharui, dan aliran bahan kitaran untuk menjamin kestabilan ekonomi dan sosial dari masa ke masa.
  - ◆ Menangani cabaran pembangunan yang sedia ada dan memuncul tanpa mengurangkan sumber semula jadi negara. Sumber semula jadi yang berkurangan boleh menyebabkan ekonomi dan kehidupan lebih mudah terdedah kepada perubahan iklim dan risiko alam sekitar, sosial dan ekonomi yang lain.
3. Menggalakkan penyelidikan, perkembangan dan inovasi dalam mengembangkan dan mengadaptasikan teknologi yang mesra alam sekitar dan yang *resource-efficient*.
  - ◆ Menggalakkan para peniaga untuk mengadaptasikan konsep penggunaan sumber yang efisien dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan, yang melibatkan proses, sistem, perkhidmatan, dan prosedur yang direka bentuk dengan penggunaan sumber semula jadi yang minimum (bahan-bahan termasuk tenaga dan kawasan permukaan) dan pelepasan bahan toksik yang minimum. Ini akan dapat memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada orang ramai dalam jangka masa panjang.
  - ◆ Mempromosikan R&D dan inovasi dalam kalangan institusi dan industri adalah perlu dilaksanakan bagi membangun dan mengadaptasikan teknologi yang *resource-efficient*.
4. Menggalakkan dan melabur dalam industri mesra alam sekitar dan hijau.
  - ◆ Industri adalah digalakkan untuk beralih kepada aktiviti hijau/mesra alam sekitar seperti teknologi tenaga yang efisien, penciptaan tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan awam yang berdaya tahan dan lain-lain.
  - ◆ Industri hijau memainkan peranan penting dalam membawa pemulihan dan pertumbuhan yang berdaya tahan, meningkatkan daya saing, mewujudkan pekerjaan, meningkatkan kualiti dan tatasusila pekerjaan, di samping menangani masalah alam sekitar yang membimbangkan.
5. Menghadkan degradasi tanah dan alam sekitar dalam sebarang aktiviti pembangunan ekonomi.
  - ◆ Menggalakkan pembangunan ekonomi yang inovatif melalui penggunaan tanah secara minimum dan degradasi alam sekitar.

# ASPIRASI V

## INFRASTRUKTUR EKONOMI BERKUALITI TINGGI DAN BERDAYA SAING

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Meningkatkan kesalinghubungan jalan raya, laut dan udara (penumpang, pengangkutan dan logistik) untuk meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi.
  - ◆ Sistem pengangkutan yang terhubung dengan baik, bersepadu dan menarik adalah kunci untuk menghubungkan orang ramai, perniagaan dan perkhidmatan dengan memudahkan pergerakan yang efisien. Ini akan menggalakkan pertumbuhan dan produktiviti serta meningkatkan peluang dan akses kepada pasaran.
  - ◆ Perniagaan akan mendapat manfaat daripada akses logistik yang lebih efisien kepada pasaran baharu bagi barangan dan perkhidmatan, peningkatan produktiviti dan keupayaan untuk menggunakan kumpulan tenaga kerja yang luas daripada masyarakat tempatan.
2. Memastikan bekalan air dan elektrik yang efisien dan tanpa gangguan ke rumah-rumah, perniagaan dan industri.
  - ◆ Memastikan bekalan air dan elektrik yang efisien dan tanpa gangguan ke rumah-rumah, perniagaan dan industri dapat berfungsi dengan lancar, mengelakkan potensi kehilangan produktiviti dan hasil keluaran.
  - ◆ Bekalan yang efisien melalui penyelenggaraan dan inovasi yang mencukupi akan memastikan pembaziran yang minimum dan peningkatan kapasiti pengeluaran.
3. Memastikan infrastruktur tapak perindustrian yang tersedia dan lokasi yang strategik.
  - ◆ Tapak perindustrian hendaklah dilengkapi dengan kemudahan yang tersedia untuk digunakan seperti bekalan tenaga, jalan raya dan kumbahan.
  - ◆ Ini juga termasuk kelulusan bangunan dan lain-lain yang boleh dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditentukan (dan dalam masa yang pendek) supaya syarikat pelaburan boleh memulakan operasi dengan lancar dan dalam jadual masa yang dikehendaki.
4. Mengukuhkan infrastruktur ICT dengan memanfaatkan teknologi 4IR sebagai persediaan ke arah ekonomi digital.
  - ◆ Meningkatkan infrastruktur ICT adalah penting bagi Negara Brunei Darussalam untuk menghadapi cabaran yang disebabkan oleh teknologi memunculkan, seperti kecerdasan buatan, rangkaian blok, realiti maya dan lain-lain.
  - ◆ Ekonomi digital memerlukan penyediaan pelbagai data dan kesalinghubungan yang lebih erat antara kerajaan, masyarakat dan perniagaan.
5. Menggalakkan pelaburan melalui kerjasama awam-swasta (PPP) dalam infrastruktur sosial dan perindustrian.
  - ◆ Menceburi PPP yang boleh meningkatkan keefisienan operasi dan keupayaan kerajaan dalam peruntukan sumber.
  - ◆ PPP boleh menawarkan pulangan pelaburan dan penggunaan aset yang lebih baik.

# ASPIRASI VI

## TADBIR URUS YANG BAIK & KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM

### HALA TUJU & DEFINISI DASAR

---

1. Memastikan tadbir urus yang baik dalam sektor awam dan swasta.
  - ◆ Ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus secara amnya akan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan sektor swasta dan orang awam.
  - ◆ Tadbir urus yang baik perlu diinstitusikan bagi memastikan kesaksamaan, keberkesanan, keefisienan dan menggalakkan produktiviti.
  - ◆ Memastikan aspek keselamatan dalam pembangunan ekonomi adalah penting terutamanya dalam mengekalkan kestabilan politik dan melindungi kedaulatan negara.

---
2. Memastikan sistem perundangan moden yang jelas dalam peruntukan dan penerapannya, dan sistem kehakiman yang memastikan kebebasan, keadilan dan kesaksamaan.
  - ◆ Dengan perubahan yang pesat dalam ekonomi tempatan dan global, kajian semula dan pengemaskinian undang-undang dan peraturan perlu disegerakan.
  - ◆ Sistem perundangan hendaklah setanding dengan amalan terbaik antarabangsa dan mampu mewujudkan ekosistem perniagaan yang kondusif di negara ini.

---
3. Membina hubungan yang seimbang antara Kerajaan dan industri.
  - ◆ Sektor Kerajaan dan swasta perlu bekerjasama untuk menyediakan dan mengekalkan persekitaran perniagaan yang kondusif.
  - ◆ Kerajaan akan terus memudah cara dan mengawal selia pembangunan sosio-ekonomi. Ini termasuk memudah cara prosedur bagi memulakan dan menjalankan perniagaan (dari segi pengurangan kos, mengurangkan bilangan prosedur dan memendekkan masa menunggu) untuk PMKS dan usahawan tempatan.
  - ◆ Perniagaan akan menyokong agenda pembangunan negara, mengambil bahagian dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

---
4. Membolehkan aliran maklumat yang lancar kepada Kerajaan, rakyat dan para peniaga melalui penggunaan ICT untuk meningkatkan keefisienan.
  - ◆ Aliran maklumat yang lancar akan memudahkan interaksi yang baik antara Kerajaan, rakyat dan para peniaga dan mengurangkan gangguan.


---
5. Memperluas dan mempelbagaikan asas hasil fiskal Kerajaan bagi memastikan kemampuan kewangan fiskal.
  - ◆ Meningkatkan hasil bukan minyak dan gas Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada minyak dan gas sebagai sumber pendapatan utama.
  - ◆ Penting bagi negara untuk meningkatkan aktiviti ekonomi bukan minyak dan gas yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan hasil bukan minyak dan gas.

---
6. Melaksanakan Program Penyatupaduan (*Fiscal Consolidation*) untuk peruntukan sumber yang efisien.
  - ◆ Program Penyatupaduan (*Fiscal Consolidation*) adalah penting ke arah kemampuan fiskal.
  - ◆ Ini boleh dilaksanakan melalui penswastaan, pengkomersialan dan penyumberan luar perkhidmatan kerajaan yang sesuai kepada sektor swasta agar pihak kerajaan dapat memberi tumpuan dalam penyampaian perkhidmatan awam.

---
7. Menuju ke arah subsidi yang disasarkan untuk memastikan pengagihan yang saksama.
  - ◆ Ini adalah bagi mendukung usaha Program Penyatupaduan (*Fiscal Consolidation*) tanpa menjejaskan jaringan keselamatan sosial.
  - ◆ Subsidi yang disasarkan akan memastikan pengagihan pendapatan dan kekayaan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat.



ISBN 978-99917-72-49-3



9 789991 772493